

20 usahawan dapat geran CIP RM1 juta

UM 3 D SEP 2003

PUTRAJAYA 29 Sept. — Sebanyak 20 usahawan menerima geran, kesemuanya bernilai RM1 juta di bawah program 'Cradle Investment Programme' (CIP) kendalian Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap) untuk membangunkan idea, prototaip dan pelan perniagaan khususnya dalam sektor maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT).

Geran bernilai RM50,000 setiap seorang itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan pada majlis pelancaran CIP di Kementerian Kewangan di sini.

Pengerusi Mavcap, Datuk Dr. Abdul Samad Alias ketika berucap pada majlis itu berkata, CIP merupakan program bantuan kewangan peringkat permulaan pertama di negara ini dengan matlamat membantu bakal-bakal usahawan mengembangkan idea baru untuk dikomersialkan.

"Mereka yang berjaya akan mengikuti program bersama mentor-mentor berpengalaman dalam bidang keusahawanan selain berkongsi kepakaran dengan bakal usahawan CIP," ujarnya.

Kementerian Kewangan memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada Mavcap untuk melaksanakan CIP.

Setakat ini, sebanyak RM25 juta telah digunakan sehingga bulan Disember depan dan Mavcap merancang menjangka memperoleh sebanyak 3,000 hingga 5,000 permohonan di kalangan usahawan dalam tempoh berkenaan.

Sejak diperkenalkan pada bulan Julai lepas, CIP sehingga kini mempunyai ahli berdaftar sebanyak 1,230 dengan pelbagai idea perniagaan yang berpotensi.

Pelaburan CIP memfokuskan sektor ICT dan bidang teknologi termasuk perisian dan perkhidmatan maklumat seperti Internet, e-Perkhidmatan, e-Perdagangan, data, produk berteknologi tinggi, elektronik, semikonduktor, bioteknologi dan sains hayat.